



Headline: Penternak ayam kena tipu RM202,909
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 25 December 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 22

Penternak ayam kena tipu RM202,909

Alor Setar: Seorang penternak ayam berusia 32 tahun kerugian RM202,909 selepas diperdaya sindiket penipuan dalam talian, Isnin lalu.

Selain didakwa mempunyai tunggakan cukai syarikat, sindiket turut menggunakan helah kononnya mangsa terbabit pengubahan wang haram dan penjualan dadah sebagai taktik untuk memperdaya lelaki itu.


Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintendan Elias Omar, berkata mangsa terlebih dahulu menerima panggilan daripada seorang wanita kononnya pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memaklumkan mengenai tunggakan cukai dimiliki.

"Selepas mangsa menafikan perkara itu, talian disambungkan kepada seorang lelaki yang kemudian mengaku sebagai pegawai daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang untuk membuat pengesahan.

"Panggilan sekali lagi di-

sambung kepada seorang lelaki yang mengaku pegawai atasan polis Pahang yang berpangkat Datuk yang mendakwa mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram dan penjualan dadah," katanya.

Elias berkata, suspek kemudian meminta mangsa

 **Selepas mangsa menafikan perkara itu, talian disambungkan kepada seorang lelaki yang kemudian mengaku sebagai pegawai daripada IPK Pahang untuk membuat pengesahan.**

Elias Omar,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah

mengisi butiran peribadi melalui pautan internet dihantar kononnya untuk tujuan siasatan.

"Mangsa mengikuti semua arahan itu. Namun, pada hari sama, membuat semakan baki akaun syarikat sebelum mendapati lapan pindahan wang secara dalam talian berjumlah RM202,909 dilakukan tanpa pengetahuannya ke enam akaun bank berbeza.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis di Baling dan satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Pada masa sama, Elias mengingatkan orang ramai jangan mudah percaya dengan panggilan diterima, terutama yang mengaku agensi kerajaan seperti mahkamah, LHDN, polis, kastam atau pihak bank yang meminta maklumat akaun bank bagi tujuan siasatan atau lain-lain.

"Sindiket jenayah selalu menggunakan modus operandi itu untuk tujuan penyamaran dan menipu mangsa," katanya.